

04 MAY 2001

Mahathir-Cerita (Bergambar)

MAHATHIR HIBUR KANAK-KANAK BUTA

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Di tengah-tengah kesibukan tugasnya sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memperuntukkan sedikit masa untuk menggembirakan kanak-kanak cacat penglihatan.

Beliau melakukan apa yang kanak-kanak paling suka -- bercerita, kepada 26 murid sekolah rendah yang cacat penglihatan di Kompleks Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB) di Brickfields, di sini.

Walaupun cerita itu "Kenapa Zirafah Berleher panjang" hanya mengambil lapan minit dari masa seorang Perdana Menteri, ia tidak mungkin dapat dilupakan oleh kanak-kanak berkenaan kerana ia diceritakan seorang pemimpin tertinggi negara.

Kegembiraan jelas terpancar di wajah kanak-kanak berkenaan dari Sekolah Rendah Kebangsaan (Cacat Penglihatan), Jalan Batu di sini, apabila mereka duduk bersila di atas pentas di Dewan Serbaguna kompleks itu dan kelihatan terpegun dengan persembahan Dr Mahathir.

Perdana Menteri pula duduk di atas sebuah kerusi kecil menghadap kanak-kanak berkenaan dan dengan penuh sifat kebapaan untuk menyampaikan cerita itu dari sebuah buku.

Program Membaca Untuk Orang Cacat Penglihatan itu adalah anjuran Puteri Umno dan Biro Tindakan Sivil Umno.

Selepas habis membacakan cerita itu, Dr Mahathir diberi cenderahati berupa sebuah hamper kecil oleh seorang murid.

Selepas itu, Dr Mahathir, diiringi Ketua Penaja Puteri Umno merangkap Pengerusi Biro Tindakan Sivil Umno Azalina Othman Said dan Dr Ismail Mohamed Salleh, pemangku presiden MAB, melawat kompleks itu.

Seorang pegawai MAB berkata suara Dr Mahathir menyampaikan cerita itu dirakamkan dan akan disimpan sebagai koleksi di perpustakaan MAB.

Sementara itu, Azalina berkata hari ini ialah giliran Dr Mahathir untuk menyampaikan cerita di bawah program itu dan menurutnya seramai 99 pemimpin Umno terlibat.

Katanya, program membaca untuk kanak-kanak cacat penglihatan adalah antara program kebajikan Puteri Umno di samping menumpukan perhatian dalam soal pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan kebajikan.

Katanya, setakat ini 30 pemimpin Umno sudah menyampaikan cerita kepada kanak-kanak cacat penglihatan di peringkat pusat dan negeri.

Azalina berkata antara pemimpin Umno yang mendaftar untuk program membaca itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed.

-- BERNAMA

DC ZS RHM